

Headline	<b>Celcom taja trofi kejohanan ragbi</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>28. Aug 2008</b>	Page No	<b>44</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>88 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Sentral</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>	AdValue	



## Celcom taja trofi kejohanan ragbi

**P**UTRAJAYA: Celcom (Malaysia) Berhad sekali lagi menyumbang kepada pembangunan sukan tempatan dengan menaja trofi untuk Kejohanan Ragbi Tujuh Sebelah Merdeka Putrajaya yang akan berlangsung di sini pada Sabtu dan Ahad ini.

Trofi Cabaran Merdeka Celcom itu akan menjadi rebutan 16 kelab ragbi pada kejohanan kali ketiga anjuran ASAS Rugby Club (ASAS RC).

Kejohanan yang akan dilangsungkan di Sekolah Sultan

Alam Shah, Presint 1 itu turut membebaskan kategori sekolah yang disertai 12 pasukan.

Antara kelab yang akan mengambil bahagian ialah SMS Old Boys, TUDM Black-hawks dan UPM Angels, manakala pasukan sekolah pula termasuk Sekolah Sultan Alam Shah dan Sekolah Menengah Sains Selangor.

Berucap pada majlis pernyerahan tajaan itu di Gerai Perniagaan Celcom di Presint 2 di sini kelmarin, Naib Presiden Kanan Per-

khidmatan Enterpris Celcom, Farid Yunus, berkata Celcom berbangga dapat bekerja sama dengan ASAS RC dalam kejohanan sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-51.

"Kami sentiasa menjadi penyokong kuat sukan tempatan dan akan terus terabit dalam aktiviti berkaitan sukan pada masa depan," katanya sambil menambah ia adalah kali pertama Celcom terbabit dalam penajaan sukan ragbi.